

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN:**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan usaha Kementerian menyediakan bekalan air bersih kepada rumah-rumah panjang yang terletak di dalam kawasan FELCRA dan SALCRA di Sarawak memandangkan sungai-sungai di kawasan tersebut telah tercemar

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat 26 buah rumah panjang yang terletak berhampiran dengan projek-projek dibawah FELCRA Berhad Wilayah Sarawak. Soal bekalan air ke rumah panjang kawasan luar Bandar di Sarawak adalah di bawah seliaan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak. Pihak FELCRA akan memaklumkan dan berunding dengan kerajaan negeri bagi mencari penyelesaian terbaik kepada isu ini.

Untuk makluman juga bahawa di dalam Parlimen Julau, terdapat 2 projek FELCRA di bawah FELCRA Berhad Kawasan Sibu iaitu projek Julau 1 & Julau 2 yang dimajukan dengan tanaman kelapa sawit seluas 602.08 hektar serta terdapat 3 buah rumah panjang (bukan Kawasan Penempatan FELCRA) yang berhampiran dengan projek iaitu Rumah Panjang Biyan, Rumah panjang Entili dan Rumah Panjang Vincent yang memperoleh bekalan air bersih daripada JBALB Sarawak.

Sekian, terima kasih.